



MRT MUTIARA SDN BHD

(No. Syarikat 202401019008 (1564857-T))

(Anak Syarikat Malaysia Rapid Transit Corporation Sdn Bhd,
yang dahulunya dikenali sebagai Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd)

PELAWAAN TUNJUK MINAT (KONTRAKTOR BUMIPUTERA GRED G1 & G2)

MRT MUTIARA SDN BHD (No. Syarikat 202401019008 (1564857-T)) ("MRTM") mengalu-alukan penyertaan dalam Pelawaan Tunjuk Minat daripada kontraktor Bumiputera CIDB Gred G1 & G2 yang berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dan Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) untuk mengambil bahagian dalam kerja-kerja tertentu untuk **Projek Rapid Transit Aliran Ringan (LRT) Pulau Pinang – Laluan Mutiara**.

Kontraktor yang ingin menyertai Pelawaan Tunjuk Minat ini boleh berbuat demikian dengan mengisi Borang Pendaftaran yang boleh dimuat turun di laman sesawang <https://www.mymrt.com.my/ms/senarai-tender/>. Borang Pendaftaran yang telah lengkap hendaklah dihantar bersama-sama dokumen yang diperlukan. Dokumen yang dihantar akan diteliti dan dinilai berdasarkan isi kandungan, kelengkapan serta kualiti dokumen. Hanya pemohon yang disenarai pendek akan dihubungi.

Syarat-syarat pelawaan serta dokumen yang diperlukan adalah seperti berikut:-

SYARAT-SYARAT PELAWAAN TUNJUK MINAT	DOKUMEN-DOKUMEN YANG DIPERLUKAN
<ol style="list-style-type: none"> Kontraktor CIDB Gred G1 yang berdaftar di negeri Pulau Pinang di dalam Daerah Barat Daya, Timur Laut dan Seberang Perai Utara sahaja; Kontraktor CIDB Gred G2 yang berdaftar di negeri Pulau Pinang; DAN Sijil Pendaftaran yang Masih Sah Laku bagi: <ol style="list-style-type: none"> Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB): Sijil Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) & Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) Pusat Khidmat Kontraktor (PKK): Sijil Taraf Bumiputera (STB) Tidak disenarai hitam oleh mana-mana pihak berkuasa/agensi. 	<ol style="list-style-type: none"> Perakuan Pendaftaran Syarikat (SSM); Borang 9, Borang 24, Borang 44, Borang 49, Memorandum & Articles of Association (M&A); Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) dan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) dari CIDB; Sijil Taraf Bumiputera (STB) dari PKK; Sijil MSCORE (bagi permohonan Gred G1) atau SCORE (bagi permohonan Gred G2) dari CIDB; Sijil Akaun Pendaftaran Syarikat Bumiputera dari Kementerian Kewangan Malaysia (jika berkaitan); Tiga (3) Bulan Penyata Bank/Institusi Kewangan terkini (Akaun Semasa/Simpanan) yang disahkan oleh Bank/Institusi Kewangan; Surat dari Bank/Institusi Kewangan mengenai overdraf, fasiliti pinjaman, kemudahan kredit dan baki kemudahan kredit; Laporan Kewangan Tahunan tiga (3) tahun terkini; Penyata Bank terkini (Akaun simpanan peribadi, ASB, Tabung Haji dan seumpamanya) yang disahkan oleh Bank/Institusi Kewangan; Senarai Projek tahunan yang telah disiapkan sejak penubuhan Syarikat sehingga kini; Senarai Projek yang disiapkan dalam tempoh tiga (3) tahun lepas termasuk surat setuju terima/anugerah/perlantikan/inden, surat lanjutan masa dan surat penyiapan kerja; Senarai Projek semasa termasuk surat setuju terima/anugerah/perlantikan/inden dan status prestasi daripada Agensi/Jabatan/Pemilik; Carta organisasi Syarikat berserta resume dan kualifikasi/sijil pemilik, pengarah, pekerja pengurusan, profesional, teknikal dan pegawai kewangan; Penyata caruman KWSP dalam tempoh tiga (3) bulan terkini; Surat dari Pembekal mengenai fasiliti pinjaman dan kemudahan kredit; Pengiktirafan/Anugerah daripada Agensi Kerajaan (jika berkenaan); Laporan/Surat Pengesahan Kebankrapan dari CTOS atau Jabatan Insolvensi Malaysia; dan Sijil Pematuhan Cukai (Tax Compliance Certificate – TCC) dari Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.

Nota:

- Penetapan untuk Kontraktor CIDB Gred G1 dan G2 yang hanya berdaftar di negeri Pulau Pinang adalah berdasarkan 'Keperluan Prosedur Pendaftaran Kontraktor & Manual Pengguna' oleh CIDB.
- Borang Pendaftaran** boleh dimuat turun di dalam laman sesawang <https://www.mymrt.com.my/ms/senarai-tender/>
- Kontraktor Bumiputera hendaklah mematuhi semua keperluan statutori dan undang-undang termasuklah pindaan yang berkaitan yang dikuatkuasakan oleh Kerajaan Malaysia.
- Kontraktor Bumiputera diingatkan bahawa salinan sijil yang disahkan oleh Pesuruhjaya Sumpah **TIDAK** akan diterima. Semua surat pengesahan asal dan salinan sijil hendaklah disahkan oleh **Setiausaha Syarikat atau Pegawai Kerajaan Kumpulan A**.

Tarikh penyerahan dokumen Pelawaan Tunjuk Minat ini adalah pada **hari Isnin, 3 November 2025 sehingga hari Jumaat, 28 November 2025 dari pukul 9.00 pagi hingga pukul 5.00 petang** di:

MRT MUTIARA SDN. BHD.
TINGKAT 6, MENARA NORTHAM
55, JALAN SULTAN AHMAD SHAH
10050 GEORGETOWN
PULAU PINANG

Sebarang pertanyaan berhubung dengan notis ini hendaklah dibuat secara bertulis dan emel kepada: bumiputera@mymrt.com.my

Panggilan **Pelawaan Tunjuk Minat** ini adalah jemputan untuk saringan sahaja, dan penyertaan dalam **Pelawaan Tunjuk Minat** oleh mana-mana pihak tidak akan menimbulkan apa-apa proses atau obligasi kontrak yang lain, tersurat mahupun tersirat. MRTM tidak mempunyai kewajipan untuk menerima apa-apa penyertaan dalam **Pelawaan Tunjuk Minat**. Semua pihak dimaklumkan bahawa penyertaan dalam **Pelawaan Tunjuk Minat** ini tidak menjamin bahawa mereka akan dijemput untuk tender dan tiada sebab-sebab yang akan diberi bagi penolakan mana-mana penyertaan **Pelawaan Tunjuk Minat** ini. MRTM tidak akan menanggung sebarang perbelanjaan dan/atau kerugian yang dialami di dalam **Pelawaan Tunjuk Minat** ini.

**BORANG PENDAFTARAN PELAWAAN TUNJUK MINAT KONTRAKTOR
BUMIPUTERA G1 & G2 BAGI PROJEK RAPID TRANSIT ALIRAN RINGAN (LRT)
PULAU PINANG - LALUAN MUTIARA**



SENARAI SEMAKAN (SURAT PENGESAHAN ASAL & SALINAN SIJIL YANG DIAKUI SAH SAHAJA DITERIMA)

- 1 Perakuan Pendaftaran Syarikat (SSM) ;
- 2 Borang 9, Borang 24, Borang 44, Borang 49, Memorandum & Articles of Association (M&A);
- 3 Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) dan Sijil Perolehan Kerja kerajaan (SPKK) dari CIDB;
- 4 Sijil Taraf Bumiputera (STB) dari Pusat Khidmat Kontraktor;
- 5 Sijil MCORE (bagi permohonan Gred G1) atau SCORE (bagi permohonan Gred G2) dari CIDB;
- 6 Sijil Aakuan Pendaftaran Syarikat Bumiputera dari Kementerian Kewangan Malaysia (jika berkaitan);
- 7 Tiga (3) Bulan Penyata Bank/Institusi Kewangan terkini (Akaun Semasa/Simpanan) yang disahkan oleh Bank/Institusi Kewangan;
- 8 Surat dari Bank/Institusi Kewangan mengenai overdraft, fasiliti pinjaman, kemudahan kredit dan baki kemudahan kredit ;
- 9 Laporan Kewangan Tahunan tiga (3) tahun terkini;
- 10 Penyata Bank terkini (Akaun simpanan peribadi, ASB, Tabung Haji dan seumpamanya) yang disahkan oleh Bank/Institusi Kewangan;
- 11 Senarai Projek tahunan yang telah disiapkan sejak penubuhan Syarikat sehingga terkini;
- 12 Senarai Projek yang disiapkan dalam tempoh tiga (3) tahun lepas termasuk surat setuju terima/anugerah/perlantikan/inden, surat lanjutan masa dan surat penyiapan kerja ;
- 13 Senarai Projek semasa termasuk surat setuju terima/anugerah/perlantikan/inden dan status prestasi daripada Agensi/Jabatan/pemilik;
- 14 Carta organisasi Syarikat berserta resume dan surat perlantikan/kualifikasi/sijil pemilik, pengarah, pekerja pengurusan, professional, teknikal dan pegawai kewangan;
- 15 Penyata caruman KWSP dalam tempoh tiga (3) bulan terkini;
- 16 Surat dari Pembekal mengenai fasiliti pinjaman dan kemudahan kredit;
- 17 Pengiktirafan/Anugerah Daripada Agensi Kerajaan (jika berkenaan);
- 18 Laporan/Surat Pengesahan Kebankarapan dari CTOS atau Jabatan Insolvensi Malaysia;
- 19 Sijil Pematuhan Cukai (Tax Compliance Certificate - TCC) dari Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia;
- 20 Borang Pendaftaran (yang telah diisi dengan lengkap dan ditandatangani);
- 21 Borang Litigasi (yang telah diisi dengan lengkap dan ditandatangani);
- 22 Surat Kebenaran Muktamad dan Keizinan untuk Pendedahan Maklumat Kredit Syarikat serta Pengarah dan Pemegang Saham (yang telah diisi dengan lengkap dan ditandatangani); dan
- 23 Kod Etika Kontraktor Bumiputera (yang telah diisi dengan lengkap dan ditandatangani)

Tarikh penyerahan dokumen Pelawaan Tunjuk Minat ini adalah pada **hari Isnin, 3 November sehingga hari Jumaat, 28 November 2025** dari **pukul 9.00 pagi hingga pukul 5.00 petang** di:

MRT MUTIARA SDN. BHD
Tingkat 6, Menara Northam
55, Jalan Sultan Ahmad Shah
10050 Georgetown, Pulau Pinang

Sebarang pertanyaan berhubung dengan permohonan ini hendaklah dibuat secara bertulis dan dihantar ke alamat diatas atau emel bumiputera@mymrt.com.my

Panggilan **Pelawaan Tunjuk Minat** ini adalah jemputan untuk saringan sahaja, dan penyertaan dalam **Pelawaan Tunjuk Minat** oleh mana-mana pihak tidak akan menimbulkan apa-apa proses atau obligasi kontrak yang lain, tersurat mahupun tersirat. MRTM tidak mempunyai kewajipan untuk menerima apa-apa penyertaan **Pelawaan Tunjuk Minat**. Semua pihak dimaklumkan bahawa penyertaan dalam **Pelawaan Tunjuk Minat** ini tidak menjamin bahawa mereka akan dijemput untuk tender dan tiada sebab-sebab yang akan diberi bagi penolakan mana-mana penyertaan **Pelawaan Tunjuk Minat** ini. MRTM tidak akan menanggung sebarang perbelanjaan dan / atau kerugian yang dialami di dalam **Pelawaan Tunjuk Minat** ini.

BORANG PENDAFTARAN PELAWAAN TUNJUK MINAT KONTRAKTOR BUMIPUTERA GRED G1, G2, G3 & G4



PENDAHULUAN

MRT MUTIARA SDN BHD 202401019008 (1544858-T) ("MRTM"), mengalu-alukan Pelawaan Tunjuk Minat daripada kontraktor bumiputera CIDB Gred G1, G2, G3 dan G4 yang berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dan Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) untuk mengambil bahagian dalam kerja-kerja tertentu untuk **PROJEK RAPID TRANSIT ALIRAN RINGAN (LRT) PULAU PINANG - LALUAN MUTIARA**.

Borang yang telah lengkap hendaklah dihantar bersama-sama dokumen yang diperlukan. Dokumen yang dihantar akan diteliti dan dinilai berdasarkan isi kandungan, kelengkapan serta kualiti dokumen. **Hanya pemohon yang disenarai pendek akan dihubungi.**

BAHAGIAN A - MAKLUMAT PERNIAGAAN

1 NAMA PERNIAGAAN/ SYARIKAT ENTITI <small>(Sila lampirkan salinan dokumen yang berkaitan, Borang 9, 24, 44, 49 dan lain-lain)</small>	
2 NO. PENDAFTARAN PERNIAGAAN	
3 ALAMAT BERDAFTAR PERNIAGAAN	
4 ALAMAT SURAT MENYURAT PERNIAGAAN <small>(Jika berlainan dari di atas)</small>	
5 NO TELEFON BIMBIT	
6 NO TELEFON PEJABAT	
7 NO FAKSIMILI	
8 ALAMAT E-MAIL	

BAHAGIAN B - MAKLUMAT PEMILIK

1 PEMILIKAN	<input type="checkbox"/> PEMILIK TUNGGAL	<input type="checkbox"/> PERKONGSIAN
2 NAMA PEMILIK <small>(Pertama)</small>		
3 KAD PENGENALAN		
4 KERAKYATAN/WARGANEGARA	<input type="checkbox"/> MALAYSIA	<input type="checkbox"/> PENDUDUK TETAP <small>(nyatakan negara asal)</small>
5 PEGANGAN EKUITI		
6 NAMA PEMILIK <small>(Kedua)</small>		
7 KAD PENGENALAN		
8 KERAKYATAN/WARGANEGARA	<input type="checkbox"/> MALAYSIA	<input type="checkbox"/> PENDUDUK TETAP <small>(nyatakan negara asal)</small>
9 PEGANGAN EKUITI		
10 NAMA PEMILIK <small>(Ketiga)</small>		
11 KAD PENGENALAN		
12 KERAKYATAN/WARGANEGARA	<input type="checkbox"/> MALAYSIA	<input type="checkbox"/> PENDUDUK TETAP <small>(nyatakan negara asal)</small>
13 PEGANGAN EKUITI		

Nota - Sila lampirkan salinan sijil-sijil berkaitan

BAHAGIAN C - MAKLUMAT KEWANGAN

1 MODAL BERBAYAR	RM <input style="width: 90%;" type="text"/>
2 MODAL DIBENARKAN	RM <input style="width: 90%;" type="text"/>
3 LAPORAN KEWANGAN	<i>Sila lampirkan Laporan Kewangan Tahunan tiga (3) tahun terkini</i>
4 PENYATA KEWANGAN TERKINI	<i>Sila lampirkan penyata Bank/Institusi Kewangan untuk 3 bulan terkini</i>
5 PENANDATANGAN YANG DIPERAKUKAN	<i>(BOD/s Resolution) Sila lampirkan</i>

BORANG PENDAFTARAN PELAWAAN TUNJUK MINAT KONTRAKTOR BUMIPUTERA GRED G1, G2, G3 & G4



BAHAGIAN D - MAKLUMAT TAMBAHAN

	NO. PENDAFTARAN	TARIKH DAFTAR	TARIKH LUPUT
1. SIJIL-SIJIL BERKAITAN YANG DIKTIRAF			
i. SIJIL TARAF BUMIPUTERA DARIPADA (PKK)			
ii. CIDB			
iii. KEMENTERIAN KEWANGAN (MOF)			
iv. JKR			
v. Dan lain-lain			

Nota - Sila lampirkan salinan sijil-sijil berkaitan

	Kelas/Kepala/Subkepala/Kategori/Kod Bidang
2. BIDANG KERJA YANG DIDAFTARKAN	
i. CIDB	
ii. KEMENTERIAN KEWANGAN (MOF)	
iii. JKR	
iv. Dan lain-lain	

Nota - Sila lampirkan salinan sijil-sijil berkaitan

3. SENARAI PROJEK YANG TELAH DISIAPKAN DALAM TEMPOH 3 TAHUN YANG LEPAS
Lampirkan salinan ' Surat Setuju Terima/Anugerah/Perlantikan/Inden, Surat Lanjutan Masa dan Surat Penyiapan Projek' yang diakui sah

1
2
3
4
5
6

4. SENARAI PROJEK SEMASA
Lampirkan salinan ' Surat Setuju Terima/Anugerah/Perlantikan/Inden ' dan Status Prestasi daripada Agensi/Jabatan/Pemilik yang diakui sah

	Rekod Kerja/Status
1	
2	
3	
4	
5	
6	

5. ADAKAH PENDAFTARAN SSM/BPKU/CIDB/MOF ANDA PERNAH DISENARAI HITAMKAN OLEH MANA-MANA PIHAK BERKUASA/AGENSI.

TIDAK YA- Sila nyatakan:

**BORANG PENDAFTARAN PELAWAAN TUNJUK MINAT KONTRAKTOR BUMIPUTERA
GRED G1, G2, G3 & G4**



BAHAGIAN E - PENGESAHAN OLEH PEMILIK TUNGGAL/RAKAN KONGSI PERNIAGAAN

Saya/Kami yang bertandatangan dibawah ini mengesahkan ketepatan semua kenyataan yang dibuat dalam borang ini dan mengaku bahawa saya/Kami adalah pemilik/rakan kongsi bagi perniagaan yang tersebut diatas.

Tandatangan : _____
Nama : _____
No. KP : _____
Jawatan : _____
No. Telefon Bimbit : _____
Tarikh :

Tandatangan : _____
Nama : _____
No. KP : _____
Jawatan : _____
No. Telefon Bimbit : _____
Tarikh :

Tandatangan : _____
Nama : _____
No. KP : _____
Jawatan : _____
No. Telefon Bimbit : _____
Tarikh :

Tandatangan : _____
Nama : _____
No. KP : _____
Jawatan : _____
No. Telefon Bimbit : _____
Tarikh :

**BORANG PENDAFTARAN PELAWAAN TUNJUK MINAT KONTRAKTOR
BUMIPUTERA G1, G2, G3 & G4 BAGI PROJEK RAPID TRANSIT ALIRAN
RINGAN (LRT) PULAU PINANG - LALUAN MUTIARA**



LITIGASI (SEMASA & LIMA (5) TAHUN LEPAS)

Nama Syarikat :

(Pemohon harus memberikan maklumat mengenai sejarah pengadilan atau penimbang taraan yang timbul dari kontrak yang dilaksanakan selama lima tahun terakhir atau sedang dalam pelaksanaan)

Tahun	Tuduhan / Terhadap Pemohon	Nama Majikan	Sebab Litigasi	Perkara dalam Pertikaian	Amaun Kontrak Akhir (RM)	Jumlah yang dipertikaikan (RM)

(Pemohon harus memberikan maklumat mengenai sejarah pelaksanaan sesuatu projek)

No	Sejarah Kontrak tidak berprestasi	Maklumat	Tahun
1	Penamatan Kontrak oleh Majikan		
2	Senarai hitam oleh pihak berkuasa atau Majikan		

Tandatangan :

Nama Penuh (Wakil yang Dibenarkan) :

Jawatan :

Nama Syarikat :

Tarikh :

**BORANG PENDAFTARAN PELAWAAN TUNJUK MINAT KONTRAKTOR
BUMIPUTERA G1, G2, G3 & G4 BAGI PROJEK RAPID TRANSIT ALIRAN
RINGAN (LRT) PULAU PINANG - LALUAN MUTIARA**



Surat Kebenaran Muktamad dan Keizinan untuk Pendedahan Maklumat Kredit Syarikat serta Pengarah dan Pemegang Saham

Kami, (No. Syarikat)
(" Syarikat ") dengan ini bersetuju dan memberi kebenaran kepada MRT MUTIARA SDN BHD 202401019008 (1544857-T) ("MRTM") untuk menjalankan pemeriksaan atau pencarian, memperoleh, mengumpul, menyimpan, mendedahkan, menghantar, mengeluarkan dan menggunakan semua dan sebarang kredit, undang-undang, risiko dan maklumat/data syarikat tidak terhad termasuk kepada butir-butir pengarah dan pemegang saham Syarikat ("Tujuan") sebagaimana yang dinyatakan dalam Pelawaan Tunjuk Minat ini, atau yang diperolehi dari Suruhanjaya Syarikat Malaysia, Jabatan Insolvensi atau mana-mana pihak lain/badan-badan yang terlibat tetapi tidak terhad kepada mana-mana agensi pelaporan kredit atau mana-mana sumber yang dianggap sesuai oleh MRTM.

Syarikat dengan ini menegaskan dan mengaku kepada MRTM bahawa ia telah memperoleh semua persetujuan dari para pekerjaanya, pengarah, pemegang saham dan/atau mana-mana badan termasuk orang perseorangan yang berkaitan untuk tujuan seperti yang dinyatakan di atas.

Syarikat selanjutnya bersetuju bahawa MRTM boleh menggunakan, mendedahkan dan memindahkan semua maklumat/data yang diperolehi bagi tujuan pendedahan maklumat tersebut atas apa-apa sebab sekalipun dengan mana-mana syarikat bersekutu, sekutu dan/atau pihak ketiga MRTM yang dianggap sesuai seperti tetapi terhad kepada perunding, juruaudit, peguamcara, dsb. sebagai terlibat atau dilantik dari semasa ke semasa oleh MRTM untuk Projek Rapid Transit Aliran Ringan (LRT) Pulau Pinang – Laluan Mutiara, pihak berkepentingan dan/atau kerajaan atau pihak berkuasa tempatan.

Syarikat bersetuju dan mengaku janji untuk memaklumkan kepada MRTM secara bertulis sekiranya terdapat sebarang perubahan maklumat terhadap orang perseorangan atau status kewangan yang melibatkan para pekerjaanya, pengarah, pemegang saham dan/atau mana-mana badan yang berkenaan.

Tandatangan :

Nama Penuh :
(Wakil yang Dibenarkan)

Jawatan :

Nama Syarikat :

Tarikh :



KOD ETIKA KONTRAKTOR BUMIPUTERA

MRT Corporation Sdn Bhd (MRT Corp) komited dalam membina suasana perniagaan yang bebas daripada gejala rasuah. Sebagai pemegang “**Ikrar Integriti Korporat**”, MRT Corp komited dalam menegakkan prinsip-prinsip seperti berikut:

- Komited untuk menggalakkan nilai-nilai integriti, ketelusan, kebertanggungjawaban dan tadbir urus korporat yang mantap;
- Mengukuhkan sistem dalaman yang menyokong pencegahan rasuah;
- Mematuhi undang-undang, polisi dan prosedur yang berkaitan dengan usaha memerangi rasuah;
- Membanteras segala bentuk gejala rasuah;
- Menyokong inisiatif pencegahan rasuah oleh kerajaan Malaysia dan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

MRT Corp berharap agar semua Kontraktor Bumiputera menjalankan perniagaan mengikut etika perniagaan yang tinggi. Kod Etika Kontraktor Bumiputera ini menggariskan prinsip-prinsip yang mesti dipatuhi oleh Kontraktor Bumiputera ketika menjalankan perniagaan dengan MRT Corp.

1. MEMATUHI UNDANG-UNDANG SEDIA ADA

Semua Kontraktor Bumiputera perlu mengikut dan mematuhi segala undang-undang termasuk yang berkenaan dengan rasuah dibawah Akta SPRM 2009 dan juga undang-undang yang melibatkan persekitaran, pengurusan dan pelupusan sisa bahan merbahaya.

2. ETIKA & INTEGRITI

Kontraktor Bumiputera mestilah menjalankan perniagaan dengan penuh kepercayaan, kejujuran, tanggungjawab dan integriti.

3. TIADA TOLAK ANSUR TERHADAP RASUAH

Kontraktor Bumiputera secara langsung atau secara tidak langsung tidak boleh meminta, menawarkan, menerima, memberi atau berjanji untuk memberikan ganjaran dalam bentuk wang, barangan, perkhidmatan kepada kakitangan MRT Corp ataupun keluarganya sebagai ganjaran terhadap keputusan bidaan atau tindakan lain yang akan menjejaskan keputusan proses bidaan.

Kontraktor Bumiputera atau wakilnya hendaklah dengan segera melaporkan sebarang permintaan komisyen atau rasuah oleh kakitangan MRT Corp.

4. POLISI TANPA HADIAH

MRT Corp telah memperkenalkan Polisi Tanpa Hadiah (No Gift Policy) di mana kakitangan MRT Corp dan juga Kontraktor Bumiputera haruslah mematuhi. Kontraktor Bumiputera atau wakilnya dilarang untuk memberi sebarang hadiah, hospitaliti sama ada secara langsung atau secara tidak langsung kepada kakitangan MRT Corp atau keluarga mereka.

5. TIADA SEPAKATAN

Kontraktor Bumiputera perlu menghantar sebut harga yang terkandung di dalam tender secara bebas tanpa sebarang persepakatan antara kontraktor lain bagi tujuan mengurangkan persaingan semasa penyerahan tender atau sebutharga kepada MRT Corp.

Harga yang ditentukan oleh Kontraktor Bumiputera di dalam tender atau sebutharga haruslah disimpan secara sulit dan tidak diberitahu kepada kontraktor lain, sama ada secara langsung atau tidak langsung sebelum tarikh tutup penyerahan tender.

6. MELINDUNGI SUMBER

Kontraktor Bumiputera hendaklah melindungi kerahsiaan maklumat yang sensitif dan hak milik yang diamanahkan kepada mereka oleh MRT Corp.

7. KUALITI DAN KEMAHIRAN

Kontraktor Bumiputera dan wakilnya hendaklah sentiasa mengekalkan tahap etika dan kualiti kerja yang tinggi seperti penyediaan tenaga mahir dan penggunaan peralatan dan bahan seperti yang dipersetujui oleh MRT Corp, Rakan Pelaksana Projek (PDP) dan Kontraktor Pakej Kerja (WPC).

8. KONFLIK KEPENTINGAN

Kontraktor Bumiputera yang mempunyai hubungan kekeluargaan atau peribadi dengan sesiapa sahaja (tidak terhad) di MRT Corp seperti Jabatan Perolehan, Jawatankuasa Tender atau Unit Bahagian yang terlibat untuk tender wajib melaporkan dengan segera kepada MRT Corp.

9. MENGHORMATI SEMUA ORANG

Kontraktor Bumiputera tidak seharusnya terlibat dalam apa-apa bentuk diskriminasi berdasarkan bangsa, agama, umur, jantina, ketidakupayaan dan negara asal pekerja mereka dan juga kakitangan MRT.

10. PEMERIKSAAN DAN AKSES KEATAS REKOD

Kontraktor Bumiputera perlu menyerahkan dokumen yang relevan apabila diminta dan memberi tindak balas yang segera terhadap sebarang pertanyaan oleh pihak MRT Corp.

Pihak Kontraktor Bumiputera wajib memberi kebenaran kepada pihak MRT Corp untuk membuat lawatan tapak di lokasi Kontraktor Bumiputera sekiranya perlu.

11. MELAPORKAN KEBIMBANGAN

Kontraktor Bumiputera dikehendaki melaporkan dengan segera kepada Unit Integriti sebarang salah laku atau amalan yang tidak beretika oleh kakitangan MRT Corp. Semua laporan yang dikemukakan akan dikendalikan secara sulit untuk memastikan kerahsiaan terhadap pelapor.

Semua laporan boleh dihantar kepada Ketua Pegawai Integriti:

- ☎ 03-20815353 atau 03-20815046
- ✉ integrity@mymrt.com.my
- ✉ Unit Integriti, Tingkat 6, Menara I&P 1, 45 Jalan Dungun, Bukit Damansara, 50490 Kuala Lumpur.

12. TANGGUNGJAWAB KONTRAKTOR BUMIPUTERA

Kontraktor Bumiputera dikehendaki mematuhi prinsip dan polisi yang dinyatakan dalam Kod Etika Kontraktor Bumiputera ini dengan:

- Membaca dan memahami Kod Etika;
- Laporkan segera sebarang ketidakpatuhan atau pelanggaran Kod Etika ini oleh mana-mana pihak kepada Unit Integriti MRT Corp;
- Memberi kerjasama sepenuhnya keatas sebarang penyisatan yang dijalankan; dan
- Berkomunikasi dan mendidik pekerja Kontraktor Bumiputera atau wakilnya untuk memahami dan mematuhi Kod Etika Kontraktor Bumiputera ini.

13. KESAN

Sekiranya berlaku pelanggaran atau ketidakpatuhan terhadap Kod Etika ini, MRT Corp boleh mengambil tindakan seperti penamatan, senarai hitam atau sebarang tindakan lain mengikut undang-undang.

PENGAKUAN

Saya telah membaca, memahami dan bersetuju untuk mematuhi Kod Etika Kontraktor Bumiputera ini.

.....
Tandatangan

.....
Cop Syarikat

Nama :

Jawatan :

Tarikh :